

01/02/2002

Melayu Islam tidak sepatutnya tutup minda

BAGAIMANAKAH caranya untuk menyatukan masyarakat Melayu Islam dari dua alam iaitu yang mindanya terbuka dan minda tertutup? Persoalan ini dibangkitkan oleh Profesor Datuk Dr Zainal Kling dari Universiti Malaya (UM) ketika mengulas dua kertas kerja yang dibentangkan pada Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam di Kuala Lumpur, kelmarin. Bagi golongan yang membuka mindanya, mereka boleh menerima apa juga idea dan sedia menyelesaikan masalah walau bagaimana rumit sekali pun. Malangnya, bagi mereka yang mindanya tertutup, mereka menganggap hanya mereka saja yang betul.

Sebagaimana dijelaskan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan persidangan itu Selasa lalu, golongan yang menutup minda mereka tidak dapat menerima ajaran atau pendapat orang lain, dari soal agama hinggalah kepada keadaan dan perkembangan di sekeliling, sama ada perkembangan dalam bidang ilmu dan ideologi atau peningkatan kebolehan manusia dalam bidang lain. Golongan ini sudah menutup minda mereka begitu rapat, mungkin kerana terlalu taksud atau termakan hasutan orang yang mereka puja. Paling penting, mereka tidak dapat menerima kekalahan sekiranya tindakan mereka selama ini ditolak dengan alasan jumud.

Golongan ini tidak akan mengaku kesalahan mereka. Golongan ini memperkatakan sesuatu hukum atau ajaran tanpa ijtihad. Mereka tidak dapat berbincang secara ilmiah. Ajaran yang salah pun dianggap benar atas dasar kepentingan diri dan kumpulan mereka. Jika diperhatikan dari pelbagai isu yang dibangkitkan, tidak ada satu penyelesaian pun dicapai. Sebaliknya, setiap isu yang diketengahkan melebarkan jurang dan mengusutkan minda orang Melayu Islam. Kesannya berlakulah perbalahan sesama sendiri. Jika menerima Islam untuk semua zaman, umat Islam perlu melengkapkan diri bagi menyesuaikan diri dengan suasana baru. Gagal berbuat demikian akan menyebabkan mereka ketinggalan serba serbi. Oleh itu, jika penganut agama lain lebih maju, mampu mencipta senjata canggih untuk membelasah umat Islam dan sebagainya, siapa yang harus dipersalahkan?

Minda yang tertutup hendaklah dibuka. Itulah asas yang harus diterima sebelum orang Melayu Islam boleh melangkah lebih jauh. Malangnya, dalam konteks di Malaysia hari ini, golongan yang membuka minda dan berusaha mengejar kemajuan, sering disalahertikan oleh golongan yang minda mereka tertutup. Mereka mencari pelbagai alasan supaya rakyat tidak terpengaruh dengan kemajuan yang cuba dibawa oleh golongan yang mindanya terbuka. Akibatnya orang Melayu Islam terus mundur. Tidak hairanlah jika Pengetua Kolej Ibu Zain, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr Aminuddin Mohd Yusof, berkata bangsa Melayu sedang diancam oleh ideologi kemunduran yang menggoda mereka supaya bersikap ragu-ragu terhadap kemajuan, pembangunan dan modenisasi.

Dengan kononnya menggunakan landasan Islam, golongan ini lebih rela orang Melayu Islam mundur kerana dengan cara itu lebih mudah mereka diperalatkan. Bagi kerajaan, ini adalah masalah besar yang terpaksa dihadapi. Kita tetap menanam harapan agar satu hari nanti, golongan yang mindanya tertutup akan membuka mata dan seterusnya membuka minda mereka demi kebaikan dan kesejahteraan orang Melayu Islam.

(END)